



جَابَاتَانِ اِغَامَا اِسْلَامِ سِلَانْغُورِ
JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR
Tingkat 1, Menara Selatan,
Bangunan Sultan Idris Shah,
No. 2, Persiaran Masjid, Bukit SUK, Seksyen 5,
40676 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN

Tel : 03-5514 3600
Faks : 03-5510 3368
Laman Web : www.jais.gov.my
Emel : info@jais.gov.my



Ruj. Kami : JAI.Sel.BKP/07/018/02Jld.9 (86)
Tarikh : 25 April 2020

KENYATAAN MEDIA

KAEDAH PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AWAM ANJURAN JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR (JAIS)

SHAH ALAM, 25 APRIL 2020 – Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) telah menetapkan perincian pelaksanaan peperiksaan awam anjurannya dan kaedah diguna pakai bagi menghadapi beberapa perubahan tersebut. Perkara ini telah dikemukakan kepada Kerajaan Negeri dan telah diperkenan oleh DYMM Sultan Selangor. Baginda juga berkenan bahawa JAIS dan Kerajaan Negeri telah mengambil kira segala langkah yang perlu diselaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang berkuatkuasa, termasuk faktor keselamatan murid, guru, ibu bapa, penjaga dan seluruh masyarakat awam umumnya di fasa pasca penamatan penguatkuasaan PKP, dalam membuat keputusan ini. JAIS juga berkeupayaan untuk menyediakan kaedah dan pentaksiran lain yang setara bagi penentuan murid ke Tingkatan 1, Tingkatan 4 dan Tingkatan 6.

Peperiksaan awam anjuran JAIS melibatkan Peperiksaan Penilaian Sijil Rendah Agama (PSRA), Peperiksaan Pentaksiran Hafazan Al-Quran (PPTQ), Peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA), Peperiksaan Sijil Menengah Agama Tahfiz Al-Quran (SMATQ), Peperiksaan Sijil Menengah Agama Turath dan Dakwah (SMATD) dan Peperiksaan Sijil KAFA Menengah (SKM).

Bagi Calon PT3 pula, semua murid akan kekal di sekolah masing-masing. JAIS akan menggunakan kaedah yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam pemilihan pelajar-pelajar ke Tingkatan 4 ke sekolah-sekolah khusus milik JAIS.

CEKAP, CEPAT DAN BERKUALITI



JAI.Sel.BKP/07/018/02Jld.9 (86)

Secara keseluruhannya, pihak JAIS telah **membatalkan** peperiksaan di peringkat rendah (PSRA dan PPTQ) dan menggunakan kaedah pentaksiran lain yang ditentukan, manakala bagi peperiksaan peringkat menengah (SMA, SMATQ dan SMATD), pihak JAIS hanya **menangguhkan** peperiksaan berkaitan kerana peperiksaan berkenaan adalah penting bagi kelangsungan pelajar ke peringkat pengajian tinggi dan sektor kerjaya. Bagi peperiksaan Sijil KAFA Menengah (SKM), peperiksaan ini adalah **dibatalkan** dan semua calon akan mengambil peperiksaan bersama calon-calon yang lain pada tahun 2021. Perincian pelaksanaan seperti dinyatakan di dalam lampiran.

JAIS menegaskan agar guru dan pelajar dapat meneruskan aktiviti pembelajaran dalam talian seperti dilaksanakan sekarang. Dengan keputusan ini, guru dan pelajar hendaklah terus membuat persediaan rapi bagi menghadapi proses-proses yang selanjutnya yang akan dilaksanakan oleh JAIS nanti. Ibu bapa juga diminta memastikan anak-anak mengikuti aktiviti dalam talian dan sentiasa mengulangkaji pelajaran di rumah.

Pengarah
Jabatan Agama Islam Selangor

25 April 2020

PERINCIAN KAEDAH PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AWAM JAIS TAHUN 2020

PEPERIKSAAN RENDAH Penilaian Sijil Rendah Agama (PSRA)

- Calon di kalangan murid yang berumur 12 tahun.
- Bersekolah di Sekolah Rendah Agama (SRA), Sekolah Rendah Agama Integrasi (SRAI) dan Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain (KAFA) Integrasi Negeri Selangor.
- Jumlah calon PSRA terlibat : **41,064 orang**.
- Mata pelajaran wajib:
 - i. Fekah dan Tauhid
 - ii. Akhlak dan Sirah
 - iii. Bahasa Arab
 - iv. Imlak Jawi, dan Khat
 - v. Tajwid
- Terdapat satu (1) mata pelajaran yang dibuat melalui ujian lisan iaitu Tilawah dan Hafazan.
- PSRA diguna pakai bagi permohonan kemasukan murid ke Tingkatan 1 ke Sekolah Agama Menengah (SAM) dan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS) di bawah kelolaan Kerajaan Negeri Selangor.
- Pada tahun ini, **PSRA DIBATALKAN** namun digantikan dengan kaedah penilaian dan pentaksiran meliputi perkara berikut;
- Penilaian melalui keputusan Peperiksaan Pertengahan Tahun (PPT) dan Peperiksaan Akhir Tahun (PAT) bagi tiga tahun berturut-turut iaitu bermula dari Tahun 3, Tahun 4 dan Tahun 5.

PERINCIAN KAEDAH PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AWAM JAIS TAHUN 2020

- Penilaian melalui keputusan mata pelajaran Bahasa Arab setiap murid.
- Penilaian menggunakan laporan pencapaian *Integrated Holistic Assessment Board (IHAB)* iaitu ia merupakan satu laporan pencapaian sahsiah bagi kelayakan murid ke Tingkatan 1.
- Penilaian melalui aktiviti Ko-kurikulum.
- Keputusan Ujian Penilaian Kelas KAFA (UPKK).

PEPERIKSAAN RENDAH Pentaksiran Hafazan Al-Quran (PPTQ)

- Calon akan ditaksir di kalangan murid pada Tahun 6.
- Hanya melibatkan 12 buah KAFA Tahfiz di Negeri Selangor.
- Jumlah calon PPTQ terlibat: **227 calon**.
- Terdapat satu (1) mata pelajaran yang dibuat melalui ujian lisan iaitu Hafazan.
- Pada tahun ini, **PPTQ DIBATALKAN** namun digantikan dengan kaedah Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS).

PERINCIAN KAEDAH PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AWAM JAIS TAHUN 2020

PEPERIKSAAN MENENGAH

Sijil Menengah Agama (SMA)

Sijil Menengah Agama Tahfiz Al Quran (SMATQ)

Sijil Menengah Agama Turath dan Dakwah (SMATD)

Sijil KAFAs Menengah (SKM)

- Calon terdiri dari kalangan murid Tingkatan 4 yang bersekolah di Sekolah Agama Menengah (SAM), Sekolah Agama Menengah Tinggi (SAMT) dan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (MITS).
- Sijil KAFAs Menengah (SKM) merupakan sijil yang diperkenal untuk murid Tingkatan 4 yang mengikuti Kelas KAFAs Menengah (KKM).
- Jumlah calon yang terlibat : **4,745 orang**.
- Mata pelajaran bagi peperiksaan SMA:
 - i. Tilawah dan Hafazan
 - ii. Qawaid al-Arabiah
 - iii. Mutola'ah wa Ta'bir
 - iv. Tafsir dan Hadis
 - v. Fekah
 - vi. Tauhid
 - vii. Tasawwuf dan Akhlak
 - viii. Mantiq wa Manahij
 - ix. Adab wa al- Balaghah

PERINCIAN KAEDAH PELAKSANAAN PEPERIKSAAN AWAM JAIS TAHUN 2020

- Mata pelajaran bagi peperiksaan SMATQ:
 - i. Manhaj Qiraan
 - ii. Tajwid
 - iii. Hifz Quran
- Mata pelajaran bagi peperiksaan SMATD:
 - i. Turath Tafsir dan Hadis
 - ii. Turath Fekah dan Tauhid
 - iii. Turath Akhlak dan Sirah
 - iv. Turath Hifz Quran
 - v. Turath Tajwid
 - vi. Turath Bahasa Arab 1
 - vii. Turath Bahasa Arab 2
 - viii. Turath Dakwah
- Sijil ini menjadi syarat utama bagi pemilihan pelajar yang ingin meneruskan pengajian aliran Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) di sekolah-sekolah Agama Menengah Negeri Selangor.
- Pada tahun ini, peperiksaan bagi **SMA, SMATQ** dan **SMATD DITANGGUHKAN**. Tarikh peperiksaan baru akan ditetapkan untuk dilaksanakan pada Suku Pertama Tahun 2021 serta diuji mengikut Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DSKP) setiap mata pelajaran.
- Pada tahun ini juga, peperiksaan bagi **SKM DIBATALKAN** dan semua calon akan mengambil peperiksaan bersama calon-calon yang lain pada tahun 2021.